

04/09/2003

IMF puji dasar Malaysia (HL)

Saidon Idris

PUTRAJAYA: Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menegaskan, dasar ekonomi Malaysia memberikan tumpuan kepada pengagihan kekayaan di kalangan rakyat adalah model pengurusan ekonomi yang boleh dicontoh negara lain.

Pengarah Urusannya, Dr Horst Kohler, berkata walaupun pertumbuhan ekonomi adalah penting, ia hanya sebahagian daripada faktor meningkatkan taraf hidup.

"Oleh itu, mesti ada (pengagihan) ekuiti, ada dimensi sosial dan identiti masyarakat. Jika Malaysia boleh mengukuhkan lagi gabungan antara pertumbuhan (ekonomi) dengan pengagihan ekuiti di kalangan rakyatnya, saya yakin negara ini bakal menjadi contoh terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam pertemuan dengan pengarang ekonomi media tempatan sempena lawatannya ke Malaysia, di sini semalam.

Kohler, yang dilantik sebagai pengarah urusan IMF pada 1 Mei 2000 menggantikan Michel Camdessus, turut memuji dasar Malaysia yang sentiasa memberikan tumpuan kepada kestabilan sosial.

Beliau berkata, dasar itu adalah satu ramuan penting dalam mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif.

"Berdasarkan sejarah di Jerman, tidak ada kestabilan politik tanpa kestabilan sosial. Pada masa sama, tidak akan wujud persekitaran pelaburan yang baik tanpa kestabilan politik," katanya.

Pandangannya itu jauh bertentangan dengan pendirian IMF sebelum ini yang meletakkan beberapa syarat sehingga boleh menjejaskan kestabilan sosial di negara penerima bantuan kewangannya.

Diminta mengulas mengenai percanggahan itu, Kohler yang pernah menjadi timbalan menteri kewangan Jerman berkata, terserah kepada orang lain untuk menilai sama ada IMF kini berbeza dengan dulu.

"Apa yang boleh saya katakan ialah IMF perlu bertukar, ia sudah pun bertukar sejajar perubahan dalam ekonomi global," katanya.

Sambil menjelaskan IMF kini lebih menghargai kebebasan sesebuah negara, beliau berkata, badan itu tidak lagi mengarahkan sesebuah negara baru muncul untuk mengikut ramuannya dalam melaksanakan pembaharuan dalam struktur ekonomi masing-masing.

Selain itu, IMF juga kini adalah lebih serius dalam menasihatkan negara maju mengenai apa yang perlu dilakukan untuk membetulkan struktur ekonomi negara berkenaan bagi membolehkan mereka terus menyumbang kepada mengekalkan pertumbuhan ekonomi dunia.

Katanya, ini kerana negara baru muncul dan negara baru maju perlu menyedari hakikat bahawa mereka sebenarnya adalah dalam sebuah 'perahu' yang sama.

"Negara baru muncul hanya akan mencapai kemajuan jika negara maju melakukan perubahan dalam struktur ekonomi mereka.

"Dalam hubungan ini, negara maju perlu membuat perubahan dalam dasar pertanian masing-masing dengan menghentikan pemberian subsidi dan memberikan ruang kepada negara baru muncul untuk mengembangkan pengeluaran mereka," katanya.

Beliau berkata, IMF juga kini mengakui bahawa perbezaan dalam budaya dan tradisi bukan penghalang bagi pertumbuhan ekonomi, malah ia boleh dijadikan penggerak kepada peningkatan produktiviti.

Ditanya pandangan IMF mengenai pencapaian Malaysia selepas lima tahun Kuala Lumpur melaksanakan kawalan modal penetapan nilai ringgit kepada dolar Amerika Syarikat, Kohler berkata, tabung itu perlu mengakui prestasi

cemerlang ekonomi negara ini di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Oleh itu, keputusan yang diambil adalah tidak salah. Keputusan yang diambil oleh Dr Mahathir sebagai pemimpin adalah betul, tetapi ia tidak bermakna formula itu tidak boleh dinilai semula," katanya.

Mengenai kedatangannya ke Malaysia, Kohler berkata, ia berikutan undangan Perdana Menteri kepadanya ketika Sidang Kemuncak Negara G8 di Evian, Perancis Jun lalu.

"Saya menerima undangan itu bagi menyatakan penghormatan saya terhadap Malaysia dan Dr Mahathir.

"Saya mahu melakukan lawatan ini sebelum peralihan kepemimpinan negara ini kerana saya rasa Malaysia sudah mencapai pencapaian mengagumkan dan kepemimpinan Dr Mahathir adalah antara faktor bagi pencapaian itu," katanya.